

UMS tampil bantu sekolah terjejas banjir di Membakut

NST 30.1.2015 5

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) tampil memberikan sumbangan barangan keperluan pengajaran dan pengajaran (P&P) kepada Sekolah Kebangsaan (S.K) Sinoko, Membakut yang terlibat dengan bencana banjir baru-baru ini.

Sumbangan disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Ismail Ali ketika menghulurkan bantuan pasca banjir bersama kira-kira

25 kakitangan Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS.

Bercakap kepada media ketika ditemui beliau berkata UMS akan menghantar sumbangan berupa kelengkapan pejabat dan buku-buku rujukan untuk memudahkan urusan pentadbiran dan pembelajaran pelajar-pelajar di sekolah itu.


"Kita terpenggil untuk menghulurkan bantuan memandangkan sekolah ini telah terjejas

dengan teruk. Selalunya kita menghantar bantuan barangan makanan kepada mangsa tapi kali ini kita turut lakukan CSR bersama guru-guru S.K Sinoko dan pihak Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Sabah untuk membersihkan kawasan sekolah," ujar beliau.


Bagi Guru Besar S.K Sinoko, Jaine Hassan berkata keprihatinan UMS dan JPAM dalam membantu kerja-kerja pembersihan sekolah itu dilihat sebagai satu usaha murni.

"Pihak sekolah mengucapkan ribuan terima kasih kepada Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah dan kakitangan UMS serta pihak JPAM kerana sudi tampil menghulurkan bantuan," tambahnya.

S.K Sinoko merupakan salah sebuah sekolah kurang murid (SKM) yang terjejas akibat banjir setinggi 2.5 meter sekaligus memusnahkan 90 peratus barangan kelengkapan sekolah terbabit.



TURUT BERSIHKAN... Dr. Ismail Ali turut serta dalam pembersihan kawasan sekolah.



MUSNAH... Buku rujukan akademik dan peralatan yang rosak.